

Pengenalan

Karya-karya digital yang mempunyai kandungan Islami amat diperlukan dalam mendidik generasi muda Muslim. Walaupun sudah terdapat pelbagai karya yang sedemikian rupa, namun masih terdapat beberapa keperluan lain yang perlu diberi perhatian seperti kandungan Islami yang mampu membentuk minda individu agar lebih banyak berfikir dan bertadabbur. Selain menerapkan ajaran Islam dan nilai-nilai murni, kandungan Islami juga perlu menampilkan unsur teknologi dan saintifik.

Di antara objektif seminar ini ialah untuk mendapatkan pandangan pakar-pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, bidang penulisan kreatif (animasi) dan bidang teknologi maklumat (IT) tentang cara terbaik untuk membina kandungan digital dalam usaha melahirkan anak-anak yang memiliki minda Islami.

Objektif

- Mengenalpasti pengaruh kandungan digital kepada minda kanak-kanak;
- Mengenalpasti nilai-nilai Islam yang diperlukan oleh kanak-kanak sejalan dengan keupayaan mentalnya;
- Berkongsi pengalaman pemain industri animasi dalam membina kandungan digital Islami untuk kanak-kanak; dan,
- Mencadangkan ciri-ciri kandungan digital Islami dalam membina minda Islami kanak-kanak